

Orang2 Melayu perlu kuatkan kedudukan politik UMNO

PULAU PINANG, Selasa — Tiga orang ahli panel forum "survival Melayu sekarang dan menjelang 1990" di Dewan Sri Pinang semalam hampir sekata bahawa orang-orang Melayu perlu memperkukuhkan kedudukan politik UMNO bagi memperjuangkan nasib masa depan mereka.

Tiga ahli panel itu terdiri dari Pengerusi Ekonomi Universiti Sains Malaysia, Dr. Amir Hussein Baharuddin; Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Negeri Pulau Pinang, Encik Zain Haji Omar dan Ketua Pegawai Siasatan UMNO Malaysia, Wan Mahyudin.

Forum tersebut dianjurkan oleh Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Tanjung dipengerusikan oleh Encik Fadzil Shuib.

Di samping itu, beberapa saranan penting untuk melibatkan

orang-orang Melayu dalam bidang perniagaan dan perusahaan bagi mencapai matalamat dasar ekonomi kerajaan telah juga disyorkan dalam forum selama dua jam itu.

Dr. Amir Baharuddin berkata orang-orang Melayu dan politik merupakan sumber kekuatan bagi orang-orang Melayu seluruhnya.

Beliau mahukan orang-orang Melayu berusaha giat memperkukuhkan lagi UMNO, sebuah institusi yang didukung oleh orang-orang Melayu di negara ini.

Selain dari institusi tersebut, menurut beliau, perhatian yang khusus perlu juga ditumpukan bagi mengemaskinikan lagi institusi-institusi lain termasuk Amanah Saham Nasional yang dilancarkan oleh kerajaan dan Amanah Saham MARA.

Beliau berkata, sungguhpun institusi-institusi tersebut memperlihatkan kejayaan yang menggalakkan hasil dari sokongan orang-orang Melayu namun usaha untuk mengembangkan kemajuannya supaya lebih pesat lagi jangan sampai diabaikan.

Dr. Amir Baharuddin menyentuh juga tentang bidang lain termasuk perlunya masyarakat Melayu melibatkan diri dalam bidang kemahiran.

Beliau berkata, kerajaan perlulah menekan aspek ini kepada masyarakat Melayu supaya mereka juga tidak akan ketinggalan dalam bidang tersebut.

Dr. Amir Baharuddin juga menyentuh tentang perlunya kerajaan mengadakan kepakaran untuk agensi-agensi kerajaan mengesan sebarang bentuk penyelewengan akauntan juga jurubina.

Beliau berkata, masyarakat Melayu perlu mempunyai satu kumpulan bijak pandai di peringkat pusat untuk pengurusan, jubina, akauntan, bidang kejuruteraan dan bidang-bidang lain.

Katanya, tenaga kepakaran ini adalah perlu bagi memberi kesan kepada industri yang strategik seperti pembinaan rumah dan pembinaan lebuhraya.

Encik Zain Haji Omar pula menyatakan pentingnya orang-orang Melayu mempunyai semangat kebangsaan dan semangat bersatu padu dengan kritika yang sebenarnya. Semangat seperti itu juga akan dapat meninggikan kedudukan orang-orang Melayu di bidang ekonomi dan politik.

Wan Mahyudin berkata, kuasa politik di tangan orang-orang Melayu sekarang boleh menentukan langkah mengukuhkan ekonomi mereka, bagaimanapun ini hendaklah dilaksanakan dengan realistik.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia